

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PROGRAM BANTUAN KESIHATAN SIHAT SELANGOR

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Permohonan program ini perlu dihantar dua bulan untuk kelulusan sebelum tarikh pembedahan. Akan tetapi surat kelulusan diterima oleh pemohon lambat mengakibatkan permohonan ditolak. Adakah kerajaan dapat mempertimbangkan penerimaan surat kelulusan walaupun masa pembedahan dekat?

JAWAPAN:

- a) Semua permohonan perlulah dikemukakan sebulan sebelum tarikh pembedahan bagi memberi masa yang secukupnya untuk proses semakan dan kelulusan. Tempoh ini adalah tempoh yang selesa bagi permohonan yang tidak lengkap dan perlu mengemukakan semula dokumen yang diperlukan sebelum kelulusan diberikan. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat kecemasan, proses kelulusan boleh dipercepatkan dengan syarat semua dokumen adalah lengkap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : KEWANGAN UNISEL

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos keseluruhan tahunan UNISEL pada 2017 dan 2018 dan apakah kos per capita pelajar pada 2 tahun tersebut.
- b) Berapakah hasil UNISEL pada 2017 dan 2018 adalah daripada yuran pelajar, dana Kerajaan Negeri, dan hasil lain?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali.

UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)	DERAF	
	2017	2018
	RM	RM
a)		
Kos Operasi		
(Tidak Termasuk Kos Susut Nilai dan Faedah Kewangan)	83,348,485	85,172,197
Kos Per Kapita Pelajar	8,487	9,220
b)		
<u>Pendapatan</u>		
Pendapatan Yuran	85,135,491	66,655,167
Pendapatan Operasi Lain	1,601,685	2,416,687
Geran Kerajaan Negeri	23,048,429	42,251,631
Jumlah Pendapatan	109,785,606	111,323,486

***Nota :**

1. Yuran bagi tahun 2018 yang dibayar pada bulan Disember dimasukkan ke dalam pendapatan bulan Januari 2019.
2. Ini menjadikan pendapatan sebenar bagi pendapatan yuran bagi tahun 2018 ialah RM66,655,167 + RM6,578,473 = **RM73,233,640.00**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : JALAN ALTERNATIF HULU CHUCHOH - KLIA2

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek jalan pintas KLIA2 ke Sungai Pelek yang mana laluan cadangan melalui tanah MAB ?
- b) Apakah pihak Kerajaan Negeri melalui MB Incorporated atau syarikat swasta lain yang berminat untuk menaik taraf jalan tersebut melalui projek CSR?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Sg. Pelek, Pejabat Daerah/Tanah Sepang telah menyediakan butiran kerja (BQ) untuk pengiraan kos keseluruhan untuk pembinaan laluan sepanjang kira-kira 1.5km dengan kelebaran 4.2 meter yang dianggarkan berjumlah RM 700,000.00.

Sebelum ini, pihak Malaysia Airport (Sepang) Sdn. Bhd. telah memaklumkan bahawa pihaknya tidak bercadang untuk membuat serahan terhadap sebahagian tanah untuk tujuan pembinaan jalan bypass tersebut kerana terlibat dengan pembinaan landasan ke-empat namun tiada halangan dengan cadangan pembinaan jalan tertakluk kos pembiayaan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

Keadaan tersebut menyukarkan Kerajaan Negeri dari segi prosedur kewangan memandangkan Kerajaan Negeri bukan pemilik yang sah bagi keseluruhan tapak yang dicadangkan tersebut. Sehubungan itu, Pejabat Daerah/Tanah Sepang telah mengemukakan surat mencadangkan kepada pihak Malaysia Airport (Sepang) Sdn. Bhd. pada 29 Mei 2019 agar pembinaan jalan pintasan bagi menghubungkan Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan Kampung Hulu Chuchoh ini dibiayai oleh pihak MAB (Sepang) melalui inisiatif Corporate Social Responsibility (CSR). Pada masa ini, Pejabat Daerah/Tanah Sepang masih menunggu maklumbalas rasmi daripada pihak Malaysia Airport (Sepang) berhubung perkara ini.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat Sg. Pelek, Pejabat Daerah/Tanah Sepang telah mengadakan pertemuan awal dengan satu syarikat swasta pada 22 Julai

2019 berhubung cadangan pembiayaan bagi pembinaan laluan bypass ini dan pihaknya berjanji untuk membawa cadangan ini kepada pengurusan tinggi syarikat. Apapun tindakan selanjutnya akan bergantung maklum balas rasmi diperolehi daripada Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PUSAT KAUNSELING SELANGOR

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan temujanji bersemuka dari Januari 2019 yang diterima di Pusat Kaunseling Selangor?
- b) Berapa bilangan temujanji bersemuka yang memerlukan "escalation" atau rujukan kepada doktor psikiatri, hospital awam dan sebagainya?

JAWAPAN:

- a) Bilangan temujanji bersemuka dari Januari 2019 sehingga 16 Julai 2019 yang diterima oleh Pusat Kaunseling Selangor adalah seperti jadual di bawah:-

BILANGAN KLIEN DAN SESI MENGIKUT BULAN BAGI TAHUN 2019 DI PUSAT KAUNSELING SELANGOR			
BIL	BULAN	BIL. KLIEN	BIL. SESI
1	Januari	40	80
2	Februari	25	45
3	Mac	37	59
4	April	34	53
5	Mei	23	37
6	Jun	24	44
7	Julai	12	20
	JUMLAH	195	338

- b) Terdapat 8 orang klien / masyarakat awam yang telah dirujuk kepada pihak ketiga iaitu melibatkan pihak hospital dan juga pihak Mahkamah Rendah Syariah. Data adalah dari tahun 2016 – 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : KEBAJIKAN ANGGOTA-ANGGOTA BERUNIFORM YANG
BERKHIDMAT DI DALAM SELANGOR**

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat anggota-anggota beruniform seperti pihak bomba dan polis yang berkhidmat di Selangor bukan warga Selangor dan pengundi Selangor. Adakah Kerajaan Selangor akan menimbangkan satu mekanisma supaya mereka juga boleh menikmati kebajikan daripada Selangor kerana mereka berkhidmat kepada warga Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : AUTOMASI DALAM PERTANIAN

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah teknologi-teknologi terkini yang sedang diteroka oleh Kerajaan sebagai langkah automasi sistem pertanian?

JAWAPAN:

- a) Antara teknologi yang sedang diteroka sebagai langkah automasi pertanian di Selangor adalah seperti berikut:
- i. Teknologi plant factory bagi penghasilan sayur-sayuran dalam bangunan;
 - ii. Teknologi tanaman fertigasi menggunakan kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan produktiviti;
 - iii. Penggunaan teknologi air hydro, IOT dan akuaponik bagi pembangunan pertanian dalam bandar;
 - iv. Penggunaan drone dalam pertanian bagi tujuan pemantauan dan penyemburan baja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : BAGI TUJUAN UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN HASIL CUKAI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cadangan-cadangan daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tindakan ke atas syarikat/pemaju yang tiada komitmen untuk membayar cukai taksiran selain daripada langkah-langkah yang sedang diambil oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan seketika?

JAWAPAN:

- a) Terkini Kerajaan Negeri tiada cadangan mengambil tindakan ke atas syarikat pemaju yang gagal membayar cukai taksiran berikutan terdapat peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) seperti seksyen 148, tuntutan melalui lelongan harta alih, seksyen 151 lelongan harta tidak alih. Disamping itu juga PBT telah mengambil inisiatif membuat operasi sitaan serta mengadakan perbincangan bersama pemaju yang terlibat.

Walau bagaimanapun, bagi membantu PBT Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan melalui Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil.1 Tahun 2004 dengan mensyaratkan resit pembayaran cukai taksiran semasa dijelaskan dengan bayaran penuh sebelum sebarang transaksi urusanniaga didaftarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PENGURUS BESAR YAYASAN SELANGOR

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelantikan jawatan Pengurus Besar Yayasan Selangor memandangkan jawatan ini masih dikosongkan sejak tahun 2016?

JAWAPAN:

- a) Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor telah bersetuju melantik Encik Eddie Adrianto Bin Ahmad Khodzali, di bawah Skim Pinjaman Perkhidmatan dari Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor bagi tempoh dua(2) tahun berkuat kuasa 15 Julai 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : KUALITI PERMUKAAN JALAN RAYA

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tahap pelaksanaan saranan JP-PBT berkenaan kualiti jalan raya beberapa tahun yang lalu yang diluluskan di dalam sidang Dewan?
- b) Untuk saranan yang tidak dilaksanakan setakat ini, mengapa?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada saranan JP-PBT berkenaan kualiti jalan raya, JKR Selangor telah mengambil maklum dan melaksanakan perkara-perkara berkaitan klausa 6.5, 6.6, 6.8, 6.11, 6.12 dan 6.14. Selain dari itu, JKR Selangor juga telah menyediakan SOP bagi kerja-kerja penyelenggaraan seperti berikut;
 - i) Kerja penampalan sementara akan dilaksanakan dalam **tempoh 24 jam** apabila ia dikenalpasti dengan menggunakan bahan turapan '*Cold Mix*' supaya keselamatan pengguna terjamin. Penampalan kekal akan dilaksanakan dalam **tempoh 3 hari** dengan menggunakan bahan turapan '*Hot Mix*'.
 - ii) Rondaan audit sentiasa dilakukan melibatkan JKR Daerah dan konsesi bagi memantau keadaan jalan sebenar di tapak. Kegagalan pihak konsesi melaksanakan kerja pembaikan di tapak akan menyebabkan pihak konsesi dikenakan NCR dan pemotongan ke atas tuntutan bayaran bulanan untuk kerja penyelenggaraan jalan dilakukan sebagai penalti.
 - iii) Bagi mengawal aspek kualiti, JKR Selangor mengambil tindakan dengan melaksanakan audit kuari untuk memastikan campuran asphalt yang digunakan adalah mengikut spesifikasi.

b) Beberapa saranan Jawatankuasa tidak dilaksanakan atas alasan-alasan seperti berikut;

i) Pelupusan terus sisa bahan kaedah 'mill & pave'

Melalui teknologi terkini kaedah turapan jalan, kaedah '*Cold In Place Recycling*' sisa bahan berkenaan akan dikitar semula di tapak dan dijadikan sebagai bahan asas untuk struktur jalan berkenaan. Kaedah ini dapat mempertingkatkan ketahanan struktur jalan berkenaan berbanding struktur asalnya.

Kaedah ini juga mengelak berlakunya pembuangan sisa bahan ke lokasi yang tidak diluluskan.

ii) Memastikan bilangan kakitangan mencukupi atau melantik juruaudit pemantau

Terdapat kekangan peruntukan bagi menyediakan kakitangan yang mencukupi ataupun melantik juruaudit pemantau. Berdasarkan rekod terkini, seorang Penolong Jurutera perlu memantau sepanjang 150 hingga 200 km panjang jalan dan ini menyebabkan berlakunya kekangan. dari aspek pemantauan.

Audit dalaman dijalankan dari masa ke semasa bagi memantau kerja-kerja penyelenggaraan jalan di semua Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KILANG SISA PLASTIK IMPORT HARAM

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memadangkan tolakan dari orang awam yang tegas terhadap kilang sisa plastik import haram. Apakah polisi Kerajaan Selangor berkenaan perkara sebegini ?

- b) Berapa permit telah dikeluarkan untuk kelulusan proses sisa-sisa plastik import?

JAWAPAN:

Pertanyaan Yang Berhormat Pandamaran No. 108 adalah dijawab bersekali.

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Kerajaan Negeri melalui PBT bersama-sama agensi berkuasa berkaitan sememangnya menjalankan operasi bersepadu bagi menutup kilang plastik haram yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan PBT juga berusaha memantau aktiviti ini di kawasan PBT masing-masing daripada merebak ke kawasan baru.

Justeru itu, bagi mengawal aktiviti tersebut yang boleh menyumbang kepada kesan alam sekitar dan kesan nilai ekonomi, Kerajaan Negeri meletakkan syarat kepada PBT supaya mempertimbangkan permohonan lesen yang mempunyai kelulusan permit import (AP) sisa plastik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan mempunyai kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, PBT tiada kaitan dengan pengeluaran Permit Import (AP) Sisa Plastik dan tidak mengeluarkan sebarang Permit Import (AP) kerana ia dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. PBT hanya memproses syarat-syarat teknikal yang melibatkan kelulusan Kebenaran Merancang, kelulusan Pelan Bangunan dan memperolehi cadangan teknikal daripada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu sebelum pihak PBT mempertimbangkan kelulusan lesen perniagaan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : BANTUAN ANAK ISTIMEWA SELANGOR (ANIS)

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pendaftaran Bantuan Anak Istimewa Selangor (AnIS) sejak pendaftaran dibuka?

JAWAPAN:

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan nombor 127 dari Yang Berhormat DUN Permatang dengan jawapan seperti berikut.

- a) Sejak permohonan Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) dibuka pada April 2019 yang lalu, sebanyak 164 permohonan telah diterima sehingga 18 Julai 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 57 permohonan telah menerima manfaat Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) dengan peruntukan sebanyak RM156,799.30. Sebanyak 5 permohonan dalam proses semakan manakala 5 lagi permohonan sedang dalam proses penelitian berstatus tidak lengkap. Selebihnya, sebanyak 97 permohonan adalah tidak layak kerana tidak menepati syarat yang ditetapkan.

Bilangan pendaftaran Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) yang telah diluluskan mengikut pecahan Dewan Undangan Negeri adalah seperti berikut :-

BIL	DUN	BILANGAN PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
1	BALAKONG	1	2,280.00
2	BANDAR BARU KLANG	2	3,500.00
3	BANDAR UTAMA	1	2,900.00
4	BANTING	1	1,399.00
5	BATANG KALI	1	4,800.00
6	BATU TIGA	2	5,000.00
7	BUKIT LANJAN	1	2,070.00
8	DENGKIL	5	6,247.00
9	DUSUN TUA	3	5,300.00
10	KAJANG	1	3,500.00

BIL	DUN	BILANGAN PERMOHONAN	JUMLAH (RM)
11	KINRARA	1	500.00
12	KOTA DAMANSARA	5	12,075.00
13	LEMBAH JAYA	1	4,900.00
14	MERU	3	7,580.00
15	PANDAMARAN	1	3,300.00
16	PANDAN INDAH	2	7,070.00
17	PELABUHAN KLANG	1	2,500.00
18	RAWANG	3	8,875.00
19	SERI KEMBANGAN	1	1,500.00
20	SERI SERDANG	1	3,694.40
21	SERI SETIA	1	3,500.00
22	SG RAMAL	1	3,000.00
23	SUBANG JAYA	3	10,508.90
24	SUNGAI KANDIS	3	12,500.00
25	SUNGAI PELEK	1	5,000.00
26	SUNGAI RAMAL	4	12,500.00
27	SUNGAI TUA	5	14,400.00
28	TANJUNG SEPAT	2	6,400.00
	JUMLAH	57	156,799.30

(Sumber data dari Rangkaian Mesra Sdn Bhd)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KEROSAKAN INFRASTRUKTUR AKIBAT AKTIVITI PENEROKAAN
ATAU PEMAJUAN TANAH TANPA KEBENARAN**

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan terhadap aktiviti-aktiviti teroka atau pemajuan tanah tanpa permit yang mengakibatkan perparitan tersumbat atau mengotori jalanraya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT akan mengeluarkan arahan notis pemberhentian kerja atau "*stop work order*" kepada pemaju dan kompaun di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) bagi aktiviti teroka atau pemajuan tanah tanpa kelulusan. Sekiranya aktiviti berkaitan berlaku di atas tanah kerajaan/rizab, PBT akan memanjangkan isu tersebut kepada Pentadbir Tanah Daerah atau agensi berkaitan untuk diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Kanun Tanah Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : BANTUAN KHAS HARI RAYA

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pembayaran dan jumlah pegawai yang layak menerima Bantuan Khas Sempena Hari Raya Aidilfitri mengikut setiap PBT?

- b) *Sub-soalan telah di tolak*

JAWAPAN:

- a) Jumlah pembayaran Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri 1440H Tahun 2019 kepada semua penjawat awam Negeri Selangor adalah seperti yang telah diumumkan YAB Dato' Menteri Besar Selangor semasa Majlis Rapat Ramadan pada 17 Mei 2019 iaitu satu bulan gaji dan dibayar pada 7 Jun 2019 tertakluk kepada penerimaan pakai Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri 1440H Tahun 2019 yang dikemukakan kepada semua jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penerimaan pakai garis panduan tersebut juga adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

**TAJUK : JUPEM DAN PEMBERIAN FINAL TITLE DI BAWAH SEKSYEN 396 DAN
83 KANUN TANAH NEGARA**

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan yang dimainkan oleh JUPEM dalam memberi kelulusan kepada pemberian Final Title di bawah seksyen 396 dan 83 Kanun Tanah Negara serta berapa banyak pemprosesan yang masih tertunggak disebabkan oleh kerja-kerja yang masih belum disiapkan di peringkat JUPEM?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor sentiasa komited memainkan peranan penting dalam menyediakan maklumat ukur kadaster secara lengkap dan kekal untuk tujuan pengeluaran hakmilik tanah.

Menurut Seksyen 396 KTN, sebidang tanah dianggap telah diukur apabila :-

- i. Sempadan-sembadannya telah ditentukan dengan nilai bering dan jarak;
- ii. Tanda-tanda sempadan seperti batu konkrit baru atau pepaku besi atau paip besi telah ditanam;
- iii. Keluasan tanah tersebut telah dikira/ tentukan;
- iv. Satu nombor lot telah diperuntukkan ke atas tanah tersebut; dan
- v. Pelan Akui telah diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan[PUPN].

Setelah Pelan Akui diluluskan oleh PUPN, Pelan Hakmilik Tanah [B1] akan dijana secara berdigit dan diperakui oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan dan seterusnya dihantar ke Pejabat Tanah dan Galian atau Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan bagi tujuan pengeluaran Dokumen Hakmilik Tanah.[Final Title]

Pelaksanaan Seksyen 396 KTN ini hendaklah dilaksanakan dengan merujuk Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Bilangan 6 Tahun 2009 'Garis Panduan Amalan Kerja Ukur Kadaster Dalam Persekitaran eKadaster' dan Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 5 Tahun 2009 'Peraturan Ukur Kadaster 2009'.

Menurut seksyen 83 KTN, sekiranya tanah yang diukur mempunyai perbezaan dari segi keluasan dan/ atau bentuk berbanding kelulusan, maka perbezaan tersebut hendaklah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri dan ukuran tersebut

akan dipinda mengikut persetujuan Pihak Berkuasa Negeri. Selepas Pelan Akui diluluskan oleh PUPN, Pelan Hakmilik Tanah [B1] akan dijana secara berdigit dan diperakui oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan untuk dihantar ke Pejabat Tanah dan Galian atau Pejabat Tanah dan Daerah bagi tujuan pengeluaran Hakmilik Tanah. [Final Title].

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENGGOMERSIALAN HASIL UNISEL

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian terkini UNISEL dan pelajarinya untuk mengkomersialkan hasil R&D?

- b) Apakah usaha Kerajaan pada tahun 2019 untuk menggalakkan pelajar universiti mengkomersialkan hasil mereka?

JAWAPAN:

a) **Pengkomersilan hasil R&D melalui penerbitan seperti berikut:**

- 1. Q-STEM-A: Menerokai Rahsia STEM Dalam AL-QURAN. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN: 978-967-15621-6-1), SHANANA PRODUCTION SDN. BHD. 2019.

- 2. Smart al-Fatihah (SaF): Teknik Menguasai dan Memahami Cara Santai. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN: 978-983-3757-49-7), UNISEL PRESS 2019.

- 3. Mudahnya Sifir. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN 978-967-86-0833-6), Alaf 21, Karangkrif, Nov 2017.

- 4. Bijak Zikrullah. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN 978-967-86- 0691-2) , Karya Bestari, Karangkrif, Nov. 2016.

- 5. Celik Doa. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN 978-967-86-0481-9), Karya Bestari, Karangkrif,) April 2015.

- 6. Pintar Al-Quran. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN 978-967-86-0418-5), Karya Bestari, Karangkrif, Julai 2013.

7. Belajar Tajwid Dengan Berkesan. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN 978-983-124-661-0) Karya Bestari, Karangkrak, April 2011
8. Solat Bestari. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN 978-967-86-0347-8) Karya Bestari, Karangkrak,) Jun 2010,
9. Terjemahan Muqaddam (Juz Amma) Secara Lafziyah (Melayu- Inggeris- Jawi) Beserta Tajwid. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN 978-967-86-0333-1) Karya Bestari, Karangkrak, Julai 2009,
10. Kaedah Pengajaran Smart Muqaddam. Penulis: Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid (ISBN 978-967-86-0334- 8) Karya Bestari, Karangkrak, Sept 2009.

Potensi untuk mengkomersilkan:

- a. Pusat Penyelidikan & Jaringan Industri (CRIL), UNISEL telah mengambil inisiatif melaksanakan sesi pembentangan produk hasil penyelidikan UNISEL pada 1 Julai 2019 bersama pihak perunding harta intelek dan telah berjaya mengenal pasti 27 hasil penyelidikan para penyelidik UNISEL yang berpontesi ke arah pendaftaran/pemfailan harta intelek pada tahun 2019. Kini, pihak CRIL dalam usaha memohon peruntukan dana tambahan bagi Pendaftaran/pemfailan harta intelek tersebut. Senarai produk hasil penyelidikan adalah seperti dalam **Lampiran 1**.
- b. Pihak UNISEL juga telah menghantar 3 pencalonan produk/teknologi tahun pengkomersialan Malaysia 2018 (MCY 2018) yang telah dianjurkan oleh pihak MESTECC pada 12 April 2018:
 1. **Multi-M2M Controller (Real time monitoring and controlling device - IoT enablers)** Eg: Flash flood; air quality; traffic/street lighting, etc. Ketua penyelidik Prof Madya Ts Dr Raja Mohd Tariqi b Raja Lope Ahmad (Keputusan MESTECC: Berpotensi untuk dikomersilkan dan pendaftaran perlindungan harta intelek sekiranya menerima dana bantuan dan tunjuk ajar bagi pengkomersilan produk).
 2. **MYPARD** (Pembangunan perisian untuk membantu proses pemulihan pesakit Parkinson). Ketua penyelidik Muhamad Fairus Abd Rauf (Keputusan MESTECC: Berpotensi untuk dikomersilkan dan pendaftaran

perlindungan harta intelek sekiranya menerima dana bantuan dan tunjuk ajar bagi pengkomersilan produk).

3. **Aqua Herbs - Shrimps / Bio Herbs -Fish** (Produk makanan udang/ikan dengan formulasi herba terpilih bagi meningkatkan sistem imuniti dan daya tahan penyakit). Ketua penyelidik Dr Siti Hasmah bt Mohtar (Keputusan MESTECC: Berpotensi untuk dikomersilkan dan pendaftaran perlindungan harta intelek sekiranya menerima dana bantuan dan tunjuk ajar bagi pengkomersilan produk).

b) Usaha-Usaha yang dijalankan:

- i. Pihak UNISEL telah berusaha dan merancang untuk menganjurkan dua aktiviti penyelidikan berkaitan pengkomersilan iaitu Persidangan Kebangsaan Pengajian Asasi dan Umum (PERSEPADU 2019) dan Intellectual Research and Innovation Showcase (IRIS 2019) yang akan menjadi platform bagi para penyelidik dan para pelajar UNISEL dan IPT lain yang akan berlangsung pada bulan September dan Disember 2019.
- ii. Pihak UNISEL juga telah berusaha menggalakkan para penyelidik untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan mereka dengan mengemukakan dokumen 3 kertas cadangan penyelidikan kepada pihak Pejabat Menteri Besar bagi mohon bajet peruntukan Kerajaan Negeri Selangor 2019. Kertas cadangan penyelidikan ini berpotensi dalam pembangunan modal insan dan penglibatan para pelajar universiti. Dokumen tersebut telah disediakan melalui sesi sumbang saran, perbincangan dan bengkel di kalangan para penyelidik yang berpengalaman menjalankan penyelidikan dan mempunyai pengetahuan luar tentang tren penyelidikan dalam bidang masing-masing (27-29 Sep 2018). Bidang utama penyelidikan yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:
 1. Sekuriti makanan: Inisiatif jaminan makanan Selangor.
 2. Kesihatan dan kesejahteraan pintar: Pemberdayaan rakyat Selangor melalui teknologi sokongan kesihatan, pengurusan sosial dan persekitaran kesihatan bagi mencapai kualiti hidup optimum.
 3. Industri halal 4.0: Literasi dan pengintegrasiaan menyeluruh bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negeri Selangor.

Lampiran 1

Maklumat Produk Penyelidikan - Pemfailan Harta Intelek (IP)

Bil.	Geran	Ketua Projek	Tajuk Projek Penyelidikan
1	GPPSTI	Muhammad Fairuz bin Abd Rauf	Pembuktian Konsep Aplikasi Exergames untuk Proses Rehabilitasi Pesakit Parkinson
2	GPPSTI	Dr. Raja Mohd Tariqi bin Raja Lope Ahmad	Bukti Konsep (POC) Alat Kawalan M2M Pelbagai Guna serta Kos Rendah untuk Sistem Pemantauan Kualiti Air dan Banjir di Negeri Selangor
3	GPPSTI	Prof. Madya Dr. Mohd Nazil bin Salleh	Pembangunan Kit Pengesanan Awal Penyakit Psoriasis melalui Multiplex Ekspresi Gen
4	GPPSTI	Prof. Dr. Sharr Azni bin Harmin	Pengeluaran Kepelbagaian Benih Ikan <i>Channa lucius</i> , <i>Clarias nieuhofi</i> dan <i>Pristolepis fasciatus</i> Secara Berskala Besar
5	GPPSTI	Dr. Moomamad Ropaning Sulong	Penggunaan Sisa Kulit Pisang untuk Penghasilan Enzim Amilolitik yang Halal
6	GPNS	Wan Azlan bin Wan Hassan	Halal Supply Chain Management Industry 4.0 Systems Model For Selangor SMEs
7	GPNS	Dr. Siti Hasmah Binti Mohtar	Formulation And Development Of Halal Fish Feed For Tilapia Species
8	GPNS	Intan Faraha bt Abd. Ghani	Exploitation Of Oreochromis Mossambicus (Black Tilapia) For The Development Of Halal Gelatin And Convenience Fish-Based Food Industries In Selangor
9	GPNS	Marini binti Ibrahim	Development Of Halal Peptone From Freshwater Fish Waste In Selangor
10	GPNS	Prof. Madya Dr. Hamdan Mohd Salleh	Developing Database And Digital Mobile Apps On Disability / Elderly Support Center In Selangor
11	GPNS	Khairul Annuar Abdullah	Robotic Manipulator Arm Inverse Kinematic Optimal Prediction With Hybridized Nonlinear Regression - Neural Networks Computational Model : Proof Of Concept For Sustainable Automated Manufacturing
12	GPNS	Marina binti Hassan	Sensory Detection Of Column Water For Waterfall In Selangor State
13	GPNS	Dr. Izyani Mat Rusni	In Situ Verification Of Smartphone Lab On Chip Technologies For Halal Detection System
14	GPNS	Harizal Bin Hamid	Development OF Bio-Based High Performance Engine Oil for IC Engine
15	GPNS	Hasnurizal bin Zakaria	Engineering, Constructing And Testing (Smart Trapper) Drains & Canals Water Cleaning
16	GPNS	Nurhafizah binti Ibrahim	Smart Self-Heating Biodegradable Food Container From Banana Peel
17	GPNS	Sarimah binti Mat Nawi	Production Of Halal Wound Healing Cream Using Mikania Extract
18	GPNS	Tuan Badli Shah bin Tuan Jusoh	Pilot Scale Production Of New Formulation Organic Poultry Feed For An Improvement Of Broiler's Meat Quality

19	GPNS	Prof. Madya Ir. Dr. Muhidin bin Arifin	Design And Fabrication Of An Affordable "Mini Trator" For Farm Harvesting Works
20	GPNS	Dr. Maegala Nallapan Maniyam	High Cell Density Cultivation Of Rhodococcus SP. For The Production Of Lipase From Waste Cooking Oil And Its Application As Halal Food Biocatalyst
21	GPNS	Dr. Nor Suhaila bt Yaacob	Development Of Cholesterol Reduction Through Halal Compliance Enzyme From Locally Isolated Rodococcus SPP
22	GPNS	Prof. Madya Dr. Jamilah Mustafa	Reading Buddy To Enhance Literacy Through Stories: The Joybook
23	GPNS	Muhammad Nazir bin Mohammed Khalid	Pembangunan Modul Dan Perisian Multimedia Permainan Smart AI-Fatihah Serta Keberkesanannya
24	BESTARI-SLICE (GOLD)	Lim Seong Pek	Hip Through Board Games
25	BESTARI-SLICE (GOLD)	Siti Birkha Mohd Ali	Analysing The Impact Of Glazing Material Towards Carbon Reduction, Energy Consumption And Cost Saving In Home Design Application Using Building Information Modelling (Bim)
26	BESTARI-SLICE (GOLD)	Saturia Amiruddin	Development Of Stem- Felt Book For Early Childhood Education.
27	BESTARI-SLICE (GOLD)	Mohd Azril Amil	Design And Development Of Portable Powerpack Using Lithium-Ion Batteries As An Alternative Energy Storage Device